

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
(TEBRAU)**

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara purata berapa lama untuk setiap orang yang menaiki bas, dan setiap kereta pergi balik dari Singapura ke Johor pada waktu puncak melalui Tambak Johor dan “Second Link” dan apa sebab-sebabnya kesesakan trafik yang semakin teruk tidak dapat ditangani/diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan kawalan keluar masuk bagi setiap pengguna di pintu-pintu masuk termasuk Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB). Secara purata, tempoh masa bagi pemeriksaan imigresen ke atas pengguna yang menggunakan mod pengangkutan bas, kereta, motosikal dan lori adalah seperti berikut:

Bil.	Mod Pengangkutan	Masa Pemeriksaan
1.	Kereta	45 saat
2.	Bas	45 saat

3.	Motosikal	20 saat (menggunakan MBike)
4.	Lori	45 saat

Walaupun pelbagai tindakan penambahbaikan operasi serta sistem telah dilaksanakan bagi memastikan proses pemeriksaan imigresen tersebut dapat dilaksanakan dengan cepat, efektif dan dalam masa yang sama tidak mengabaikan faktor keselamatan dan integriti, namun terdapat pelbagai faktor lain di luar kawalan JIM yang menyumbang kepada berlakunya kesesakan di kedua-dua Kompleks BSI dan KSAB, antaranya seperti berikut:

- (i) terdapat pelbagai Jabatan/Agensi dengan fungsi, prosedur kerja, punca kuasa dan akta berbeza. Keadaan ini menyebabkan proses pemeriksaan seolah-olah berlaku berkali-kali kerana fungsi setiap pemeriksaan adalah berbeza;
- (ii) bilangan kaunter sedia ada tidak dapat menampung permintaan pelanggan semasa waktu puncak terutama serta jumlah kaunter tidak setara dengan Woodlands dan Tuas. Secara puratanya, berlaku peningkatan sebanyak 50 peratus kemasukan pengembara dan kenderaan semasa musim perayaan, cuti sekolah dan cuti bersambung Singapura;
- (iii) reka bentuk kedua-dua Kompleks BSI dan KSAB sedia ada kurang sesuai dan isu "*bottleneck*" dalam jaringan jalan raya sehingga menyebabkan ia tidak mampu menampung limpahan trafik daripada bilangan pelawat dan kenderaan yang keluar masuk pada masa kini;
- (iv) peralatan sistem maklumat dan teknologi yang kebanyakannya telah *obsolete*;
- (v) sikap segelintir pelawat yang sering memotong barisan semasa laluan masuk ke Malaysia bermula dari atas Tambak Johor dan

LINKEDUA sehingga ke Kompleks CIQ yang mengakibatkan gangguan kepada aliran trafik; dan

- (vi) sikap segelintir pelawat yang tidak peka dengan baki minimum dalam kad Touch n' Go untuk membuat bayaran *Road Charge* (RC) dan tol setiap kali masuk ke Malaysia mengakibatkan mereka terpaksa meninggalkan kenderaan dalam tempoh 5-10 minit di hadapan kaunter pemeriksaan Imigresen bagi tujuan menambah nilai kad.

Bagi menangani masalah kesesakan ini, KDN yang telah dilantik sebagai Urus Setia induk bagi Jawatankuasa Khas Mengenai Kesesakan di Tambak Johor dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia telah menyelaraskan sebanyak **23 inisiatif** meliputi **enam (6)** skop sektor melibatkan **tiga (3) fasa pelaksanaan** iaitu Jangka Masa Pendek (satu hingga enam bulan), Jangka Masa Sederhana (enam hingga 12 bulan), dan Jangka Masa Panjang (melebihi 12 bulan) seperti berikut:

- (i) **Sembilan (9) inisiatif telah dan dilaksanakan secara berterusan dalam Jangka Masa Pendek;**
- (ii) **Sembilan (9) inisiatif telah dipersetujui dalam Jangka Masa Sederhana; dan**
- (iii) **Lima (5) inisiatif telah dipersetujui dalam Jangka Masa Panjang masih dalam peringkat perancangan dan kajian.**